

KEPERLUAN CLEXANE DALAM PERUBATAN; SATU KAJIAN FIQH KONTEMPORARI

MOHD ZULKIFLI BIN AWANG
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor,
Bangi, Selangor.
Zul_zykr@yahoo.com

MUSTAFA ‘AFIFI AB. HALIM, PHD
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.
afifiusim@gmail.com / afifi@usim.edu.my

HAMMAD MOHAMAD DAHALAN
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor,
Bangi, Selangor.
hammad@kuis.edu.my

ABSTRAK

Isu perubatan merupakan isu yang semakin mendapat tempat dalam kalangan cendiakawan semasa. Isu yang banyak diketengahkan ialah isu halal sesuatu produk. Produk farmaseutikal antara isu yang diperdebatkan. Antaranya, isu ubat Clexane yang telah sekian lama digunakan di hospital kerajaan dan swasta. Sedangkan sumbernya adalah daripada gelatin khinzir. Perdebatan penggunaan ubatan ini semakin mendapat tempat di dalam kalangan masyarakat. rentetan ini, maka ubat alternatif lain iaitu Arixtra telah digunakan sebagai bahan ganti kepada ubat Clexane. Sedia maklum bahawa Arixtra (Fondaparinux) yang telah dihasilkan daripada sumber halal dan mempunyai fungsi serta keberkesanan yang sama dengan Clexane dan Fraxiparine. Namun begitu, persoalan yang timbul ialah ubat alternatif iaitu Arixtra kekadang tidak mampu untuk mengganti sumber utama iaitu Clexane. Sehubungan itu, satu kajian perlu dilakukan untuk melihat kesesuaian kedua-dua ubat ini dan diselaraskan dengan pandangan fekah di dalam Islam. Maka metode kajian ini dijalankan secara pendekatan kualitatif di mana rujukan dokumentasi dengan membuat penelitian ke atas data-data dan maklumat-maklumat daripada buku, kertas kerja dan dokumen lain yang berkaitan. Di akhir penelitian, satu garis panduan khusus telah dicadangkan dalam memudahkan pesakit untuk mendapatkan rawatan secara berterusan

Kata Kunci: Fiqh perubatan, Produk farmaseutikal , Clexane, Arixtra.

PENGENALAN

Islam adalah ajaran yang bersifat syumul serta merangkumi semua aspek kehidupan, baik dari segi ibadah, ekonomi, sosial, perubatan dan sebagainya, Islam menitikberatkan kepada penganutnya untuk melaksanakan kesemuanya demi menjaga kesejahteraan hidup dalam kalangan masyarakat. Bahkan, kesihatan adalah satu aset terpenting dalam kehidupan manusia. Dengan kehidupan yang sihat, produktiviti manusia akan lebih baik, namun jika kemerosotan kesihatan atau wabak terjadi, ianya akan menimbulkan masalah kepada manusia. Maka kesihatan perlu dijaga sebaik mungkin kerana ianya ajaran Islam. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Al Qasas ayat 26 yang bermaksud:

“Salah seorang di antara perempuan yang berdua itu berkata: Wahai ayah, ambillah dia menjadi orang upahan (menggembala kambing kita), sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah yang kuat, lagi amanah.”

Selain itu, Rasulullah SAW sangat menyukai orang yang menjaga kesihatan. Hal ini demikian kerana manusia yang sihat akan melaksanakan ketaatan kepada Allah SWT dengan sebaik mungkin. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW daripada Abi Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

“Orang mukmin yang kuat lebih baik dan lebih disukai oleh Allah daripada orang mukmin yang lemah: pada keduanya adalah baik. Bersungguh-sungguhlah mengerjakan ketaatan kepada Allah dan mohonlah pertolongan kepada-Nya dan janganlah engkau merasa lemah. Jika engkau ditimpa sesuatu musibah janganlah engkau ucapkan kalau aku berbuat demikian tidak berlakulah musibah itu, tetapi ucapkanlah Allah telah mentakdirkannya dan apa yang Allah kehendaki pasti berlaku. Sesungguhnya perkataan kalau boleh membuka ruang kepada amalan syaitan”. (Hadith Riwayat Muslim).

Muhammad Rafiqi Hehsan (2015) membahaskan dengan menyatakan ilmu perubatan ialah satu cabang daripada ilmu yang dinamakan al-ilmu at-tabii (*ilmu alam*) yang wajib dipelajari secara fardhu kifayah. Selain itu, ilmu perubatan boleh ditafsirkan ialah ilmu yang membicarakan

mengenai tubuh badan manusia dari sudut penjagaan dan rawatan. Di sinilah, ilmu perubatan lahir dalam satu bentuk ikhtiar yang akan membawa pesakit kepada kesembuhan dan peningkatan iman sejajar dengan hikmah sesuatu penyakit itu diturunkan kecuali sekiranya Allah mentakdirkan kematian untuknya. Selain itu, bidang perubatan termasuk dalam muamalat Islam dan berasal sesuatu perkara dalam muamalat adalah harus. Namun, perkara ini perlu sentiasa disandarkan kepada syariat Islam yang lengkap (*syumul*). Penentuan hukum hakam yang berkaitan dengan bidang perubatan perlu mendapat bantuan dan penjelasan secara terperinci daripada doktor-doktor pakar. Hal ini demikian untuk memastikan hukum dan masalah diterima secara adil dan saksama yang merupakan kepakaran mereka.

Namun begitu, dengan kecanggihan teknologi, kemajuan dan pencapaian di bidang perubatan ini, ia menjadi satu cabaran kepada perundangan Islam. Maka seharusnya para cendiakawan agama saling berganding bahu dengan institusi kesihatan agar hukum yang berkaitan fiqh perubatan selari dengan kehendak semasa tanpa mengabaikan aspek agama.

PRODUK FARMASEUTIKAL HALAL

Produk farmaseutikal merupakan satu industri baru yang hangat dibahaskan dalam negara ini. Perbahasan utamanya berkaitan kehalalan sesuatu produk kesihatan dan bebas daripada bahan yang dilarang oleh Islam. Oleh itu, industri farmaseutikal halal amat relevan kepada masyarakat Islam memandangkan suplemen dan ubat-ubatan yang dibeli atau didapati daripada hospital perlu diyakini statusnya. Bahkan, permintaan terhadap produk farmaseutikal berstatus halal telah mendorong kerajaan membangunkan piawaihan halal bagi industri farmaseutikal iaitu MS2424:2012 agar produk yang dihasilkan memenuhi tuntutan halal di samping dijadikan rujukan pihak berkuasa untuk membuat pengesahan status halal sesuatu produk. (Jabatan Mufti Negeri Sembilan: 2019).

Menurut Razidah Othman Jaludin, Saadan Man dan Madiha Baharuddin (2018) menyatakan bahawa aplikasi bioteknologi dalam bidang penghasilan produk farmaseutikal semakin berkembang dengan pesat. Ia memberi impak yang positif kepada perkembangan industri terlibat. Produk farmaseutikal dihasilkan melalui pelbagai percampuran bahan aktif, bahan kimia kompleks

serta melibatkan sumber berasaskan haiwan dan tumbuhan secara meluas. Namun, pelbagai isu hukum timbul dalam proses penghasilan produk – produk ini apabila ianya melibatkan sumber berasaskan khinzir dan derivatifnya. Maka produk kesihatan ini telah diteliti dalam pelbagai aspek untuk menentukan kehalalan sesuatu produk farmaseutikal.

KESYUBAHAN CLEXANE

Menurut Mir Sadat-Ali & Haifa A. Al-Turki. (2013) menyatakan bahawa:

“Enoxaparin sodium (Clexane and Clexane Forte) is obtained by alkaline depolymerisation of heparin benzyl ester derived directly from porcine intestinal mucosa”.

Di sini bermaksud *Clexane* terdapat perkara syubhah. Hal ini demikian kerana dalam pembuatan *Enoxaparin* ini sumber utamanya adalah berunsurkan babi. Bahan yang digunakan dalam proses awal pembuatannya adalah daripada usus babi. Melalui penerangan daripada Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna menyatakan bahawa *Clexane* mengandungi ubat yang dipanggil *enoxaparin sodium*. Ia tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dipanggil Heparin Rendah Berat Molekul. *Clexane* digunakan untuk mencegah:

1. Pembentukan bekuan darah dalam vena (gangguan thromboembolik) termasuk dalam ortopedik dan pembedahan am.
2. Pembentukan bekuan darah dalam vena pesakit terlantar katil yang dimasukkan wad disebabkan oleh penyakit akut secara tiba-tiba, termasuk kegagalan jantung, kegagalan pernafasan, jangkitan yang teruk atau penyakit reumatik.
3. Pembekuan darah dalam edaran *extracorporeal* oleh hemodialisis (rawatan gantian buah pinggang).

Clexane digunakan untuk merawat:

1. Pembekuan darah dalam vena (trombosis vena yang dalam) dengan atau tanpa embolisme pulmonari (arteri paru-paru tersumbat dengan bekuan darah).

2. Perasaan sesak dan pedih secara tiba-tiba pada dada (angina tidak stabil) dan beberapa bentuk serangan jantung (infarsi miokardium tanpa gelombang Q) dalam kombinasi dengan asid *acetylsalicylic* (aspirin).
3. Satu serangan jantung secara tiba-tiba dengan elevasi segmen ST (STEMI) dalam pesakit yang tidak akan menerima rawatan susulan angioplasti koronari yang dikenali sebagai intervensi koronari perkutaneus (PCI).



Gambar Rajah 1: Clexane

Clexane berfungsi dalam dua cara:

1. Menghentikan darah beku sedia ada daripada menjadi lebih besar. Ini membantu badan pesakit memecahkan bekuan-bekuan darah dan mengelakkan kejadian yang membahayakan nyawa.
2. Menghentikan pembentukan bekuan darah dalam darah pesakit.

Maka jika difahami, Clexane yang berunsur babi, sedangkan di dalam Islam telah meletakkan asasnya iaitu sebagaimana firman Allah SWT surah al-Anam ayat 145 yang bermaksud:

“Katakanlah wahai Muhammad; Aku tidak dapati dalam apa yang telah diwahyukan kepada-Ku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang memakannya, melainkan benda itu bangkai atau darah yang mengalir atau daging babi, kerana sesungguhnya ia adalah kotor”.

ARIXTRA SEBAGAI ALTERNATIF

Arixtra ialah *Fondaparinux* dan *Heparin* pula bebas dari unsur babi. Melalui penerangan daripada Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna menyatakan bahawa Arixtra digunakan untuk:

1. Mencegah pembentukan bekuan darah dalam saluran darah kaki atau peparu selepas pembedahan ortopedik (seperti pembedahan pinggul atau lutut) atau pembedahan abdomen
2. Mencegah pembentukan bekuan darah semasa, dan tidak lama selepas satu tempoh pergerakan terhad kerana penyakit.
3. Merawat sesetengah jenis serangan jantung atau angina yang tenat (kesakitan yang disebabkan oleh penyempitan arteri di dalam jantung)



Gambar Rajah 2: Arixtra

Arixtra merupakan sejenis ubat yang membantu mencegah pembentukan bekuan darah dalam saluran darah (trombosis), atau merawat bekuan darah jika mereka sudah terbentuk (sejenis agen antitrombotik). Ia berfungsi dengan menghentikan satu faktor pembekuan yang dikenali sebagai Xa (ten-A) daripada berfungsi di dalam darah.

PANDANGAN MUZAKARAH FIQH

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-8 yang bersidang pada 24-25 September 1984 telah membincangkan gelatin dalam ubat. Muzakarah telah memutuskan bahawa penggunaan gelatin dalam ubat pada masa sekarang adalah diharuskan kerana darurat. Namun sekiranya telah ada bahan halal yang dapat menahan ubat dari cepat rosak, maka penggunaan gelatin dalam ubat tidaklah lagi diharuskan.

Rentetan itu, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-87 yang bersidang pada 23-25 Jun 2009 telah membincangkan hukum penggunaan ubat *Clexane* dan *Fraxiparine*. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Islam menegah penggunaan ubat darisumber yang haram bagi mengubati sesuatu penyakit, kecuali dalam keadaan di mana tiada ubat darisumber yang halal ditemui dan bagi menghindari kemudharatan mengikut kadar yang diperlukan sahaja sehingga ubat dari sumber yang halal ditemui.
2. Oleh itu, berhubung dengan penggunaan ubat *Clexane* dan *Fraxiparine* yang dianggap darurat kepada para pesakit bagi mencegah formulasi pembekuan darah secara serta merta ketika pesakit berada pada tahap kronik, Muzakarah memutuskan bahawa penggunaan kedua-dua jenis ubat ini adalah ditegah kerana ia dihasilkan dari sumber yang diharamkan oleh Islam, memandangkan pada masa ini telah terdapat alternatif ubat iaitu Arixtra yang dihasilkan daripada sumber halal dan mempunyai fungsi serta keberkesanan yang sama dengan *Clexane* dan *Fraxiparine*.

Manakala Jabatan Mufti Negeri Sembilan menyatakan bahawa Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK) telah mengesahkan wujudnya enzim babi dalam kandungan kedua-dua jenis ubat tersebut. Ini kerana kedua-dua jenis ubat ini terbentuk daripada *low molecular weight heparin* (LMWH) yang merupakan unsur yang terbentuk daripada heparin. *Heparin* merupakan sumber biologi yang diambil daripada usus babi. Dalam isu ubat *clexane* dan *Fraxiaprine* ini, kajian yang telah dijalankan mendapati terdapat sejenis ubat lain iaitu *Arixtra Solution for Injection* atau nama generiknya. *Fondaparinux Sodium* mempunyai tahap keupayaan yang tinggi dalam membantu

mengelakkan masalah pembekuan darah. Ubat ini telah pun berdaftar dengan BPFK dengan nombor pendaftaran MAL 20034441A.

Fondaparinux merupakan ramuan aktif di dalam Arixtra yang terhasil secara sintetik di mana *pentasaccharide* sintetik diambil dan ia tidak mengandungi sebarang bentuk *heparin*. Malah, tiada satu pun material dalam penghasilan ubat ini diambil daripada haiwan termasuklah biproduk babi. *Arixtra* bukan ubat yang baru ditemui, sebaliknya ia telah berada di pasaran lebih daripada 10 tahun. Namun kajiannya yang terbaru telah mendapati bahawa ubat ini mampu menggantikan kekuatan *Clexane* dan *Fraxiaprime*.

Arixtra digunakan untuk mengelakkan pembekuan darah atau masalah *venous thromboembolism* (VTE) bagi pesakit yang menjalani rawatan pembedahan major ortopedik, lutut dan pinggang. Selain itu, ia juga digunakan bagi pesakit jantung, pesakit kronik yang tidak dapat bergerak dan pembedahan abdomen. Penemuan *Arixtra* dalam dunia perubatan hari ini telah menghapuskan `illah pengharusan penggunaan perkara yang ditegah. Perkara ini bersesuaian dengan kaedah fiqh ما جاز لعذر يبطل بزواله. Prinsip ini menetapkan bahawa keharusan sesuatu perkara itu adalah disebabkan keuzuran tertentu dan ia terbatal dengan hilangnya keuzuran tersebut. (Jabatan Mufti Negeri Sembilan: 2019).

PERBEZAAN CLEXANE DAN ARIXTRA

Menurut Suhazeli Abdullah (2016) menyatakan bahawa pakar perubatan akan menggunakan kepakaran mereka dalam memberikan perawatan terbaik bagi menyelamatkan nyawa pesakit. Inilah matlamat kesihatan dan rawatan berpandukan *maqasid Syariah*. Walaupun terdapat perbezaan jenis ubat pencair darah tersebut, dari segi kehalalan dan juga keberkesanan yang yang berbeza-beza, bahkan sudah tentu isu keharaman sesuatu bahan akan dikesampingkan, demi menyelamatkan nyawa. Selain itu, terdapat beberapa perkara yang perlu diambil kira dalam proses perawatan ini. Di sinilah tujuan maqasid Syariah hadir untuk memberi solusi kepada permasalahan yang melanda. Sepertimana yang telah dibahaskan oleh Omar Hasan Kasule (2016) prosedur

perubatan adalah beretika sekiranya ianya memenuhi atau tidak bertentangan dengan satu atau lebih daripada 5 asas utama Maqasid Syariah.

Menurut Suhazeli Abdullah (2016) menyatakan bahawa terdapat beberapa perbezaan yang ketara antara kedua jenis ubat ini. Antaranya;

1. Kajian saintifik membuktikan bahawa penggunaan *Enoxaparin* lebih baik berpuluhan kali ganda dari sudut kualiti, keberkesanan dan keselamatan kepada pesakit berbanding *Heparin*. Maka ini menunjukkan kepada kita bahawa penggunaan ubat *Clexane* untuk pesakit akan memberi lebih kualiti berbanding *Heparin*.
2. *Arixtra* yang berunsurkan *Fondaparinux* mempunyai kualiti, keberkesanan dan keselamatan yang sama dengan *Clexane* yang berunsurkan *Enoxaparin*. Namun begitu, kos untuk mendapatkan *Fondaparinux* terlalu tinggi berbanding *Enoxaparin*. Hal ini demikian akan memberi kesukaran kepada pesakit yang kurang berkemampuan untuk mendapatkannya. Maka ini akan memberi kesan yang buruk kepada pesakit yang memerlukan ubat pencair darah.
3. *Fondaparinux* boleh dikatakan tiada satu kajian yang defenitif lagi bagi kegunaan terhadap ibu hamil dan selepas bersalin (*post-natal*). Dengan itu, kerisauan memberi risiko terhadap ibu adalah agak tinggi.
4. Penjagaan dan pengawasan terhadap pesakit yang diberikan ubat *Heparin* terlalu rumit samada semasa berada di hospital mahupun setelah dibenarkan balik rumah. Secara tidak langsung, pesakit akan menanggung risiko jika tidak dijaga dan diawasi dengan cermat.

PERANAN ULAMAK - DOKTOR

Menurut Nurhidayah Muhamad Sharifuddin, Mohd Anuar Ramlie, Tg. Fatimah Azzahra Tg. Md Fauzi & Nur Diyana Azizi (2016) menyatakan bahawa kemunculan pelbagai bentuk rawatan perubatan moden di Malaysia telah berjaya membuktikan betapa pesatnya kemajuan sains dalam teknologi perubatan pada masa kini. Penemuan rawatan yang baharu ini dihasilkan melalui kajian yang telah dijalankan terhadap pelbagai sumber sama ada halal atau haram. Di sinilah, terdapatnya

pelbagai pandangan ulama klasik dan kontemporari berkaitan hukum penggunaan sesuatu produk kesihatan.

Maka dalam pelaksanaan sesuatu hukum berkaitan dengan fiqh perubatan, seharusnya para ulamak bergabung kepakaran antara doktor dengan ulamak. Hal ini demikian akan melahirkan satu solusi yang adil, saksama yang mudah dipakai oleh masyarakat tanpa meninggalkan aspek keagamaan, bahkan selari juga dengan aspek perubatan yang menuntut kepada kesepaduan kefahaman tentang sesuatu isu yang berkaitan dengan fiqh perubatan ini.

Mohammad Naqib Hamdan & Mohd Anuar Ramli (2018) menyatakan bahawa pendekatan ini mula diambil perhatian oleh ulamak kontemporari melalui penubuhan beberapa pertubuhan yang membincangkan isu semasa yang berlaku dalam masyarakat seperti *Majma' al-Fiqh al-Islami al-Duwali (Jeddah)* dan *al-Majma' al-Fiqhi al-Islami (Mekah)*. Keahlian *majma'* ini terdiri dari para ulamak pelbagai bidang, di samping pakar rujuk dalam bidang profesional lain seperti doktor perubatan. Resolusi yang diputuskan oleh *majma'* sering menjadi rujukan masyarakat Islam seluruh dunia, khususnya dalam bidang perubatan. Maka seharusnya ulamak dan para doktor di negara Malaysia ini turut serta berganding bahu dalam memberi kepakaran masing-masing dalam memberi pandangan dalam sesuatu perkara yang berkaitan bidang yang diceburi, lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan agama Islam. Oleh itu, isu Clexane ini perlu dibawa berbincang secara tuntas sesame mereka sehingga mampu menghilangkan polemik dalam masyarakat.

PENGGUNAAN UBAT SEWAKTU DARURAT

Menurut Wahbah Zuhaili (2006) menyatakan bahawa darurat ialah berlaku ke atas seseorang satu keadaan yang berbahaya, atau kesusahan yang sangat berat, yang mana dibimbangi berlakunya kemudaratian atau kesakitan terhadap jiwa, anggota, maruah, akal atau harta dan segala yang berkaitan dengannya. Pada masa itu, boleh atau diharuskan melakukan yang haram atau meninggalkan yang wajib atau melewatkannya daripada waktunya, demi untuk menolak kemudaratian daripada berlaku mengikut pertimbangan dalam ruang lingkup peraturan syarak”.

Dalam memutuskan keharusan penggunaan ubat yang mengandungi bahan haram, syarat-syarat untuk memastikan bahawa keperluan tersebut adalah benar-benar darurat perlu dipenuhi. Antara syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh ulama dan digunakan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia ialah:

1. Darurat itu benar-benar berlaku dan bukan sesuatu yang tidak pasti. Dalam erti kata lain telah berlaku atau wujud satu keadaan di mana kemusnahan atau kemudaratan pada lima prinsip asas (agama, nyawa, akal, keturunan dan harta) ataupun kemusnahan akan berlaku secara pasti ataupun berdasarkan kepada sangkaan yang kuat berpandukan pengalaman atau pengetahuan.
2. Seseorang yang berada dalam keadaan darurat itu bertentangan dengan perintah atau larangan syara', atau tidak terdapat sesuatu yang diharuskan oleh syarak untuk menghilangkan kemudaratan melainkan perkara yang ditegah atau diharamkan.
3. Usaha harus dilakukan untuk memastikan bahawa kewujudan benda-benda halal yang lain tidak dapat menghindarkan kemudaratan yang menimpa pesakit.
4. Pengambilan yang haram itu sekadar keperluan sahaja.
5. Pada waktu pengubatan, pengambilan yang haram itu hendaklah disyorkan, dipastikan dan diperakui oleh seorang doktor atau pengamal perubatan muslim yang adil, diyakini amalan dan pegangan agamanya serta mempunyai pengetahuan dalam bidang tersebut.

CADANGAN TERHADAP UBAT CLEXANE

Dalam mendepani polemik ubat Clexane ini, maka beberapa cadangan yang perlu diperhalusi sesama masyarakat yang berpelajaran. Antaranya:

1. Perbincangan antara golongan ulamak dan para doktor sangat diperlukan dalam menentukan status ubat *Clexane* ini walaupun muzakarah telah menetapkan hukum berkenaan isu ini. Hal ini demikian kerana di pihak ulamak menetapkan bahawa ubat *Clexane* ini adalah ditegah di dalam Islam bahkan ianya telah mempunyai ubat alternatif iaitu *Arixtra* yang bebas daripada unsur babi. Manakala di pihak doktor pula menyatakan bahawa pemberian ubat *Clexane* diperlukan

dalam memberi rawatan kepada pesakit. Dengan kesatuan kefahaman, penerangan dan pengemaskinian hukum akan menjadikan Islam itu dipandang mulia.

2. Pihak berwajib terutamanya kerajaan perlu menetapkan harga yang berpatutan dan mampu milik terhadap ubat alternatif iaitu *Arixtra*. Hal ini demikian kerana kemampuan kewangan pesakit perlu diambilkira dalam menentukan sesuatu hukum supaya hukum tersebut dalam berjalan seperti yang dikehendaki tanpa ada kekangan yang menyebabkan keterbantutan pelaksanaan hukum terutama dalam isu penggunaan ubat *Clexane* ini.
3. Bagi pesakit pula, mereka perlu mendapatkan nasihat pakar perubatan terlebih dahulu mengenai status kesihatan dan cadangan jenis ubat yang sesuai. Jika terpaksa mengambil ubat-ubatan dan vaksin syubhah atau haram, maka mereka perlu mengambil yang paling ringan haramnya. Hal ini demikian untuk mengambil keselarian dalam kaedah-kaedah fiqh yang menyebut darurat mengharuskan benda haram dengan syarat risikonya lebih ringan daripada darurah dan pemilihan perkara haram perlu bermula daripada mudarat lebih ringan.
4. Namun, jika terdapat ubatan alternatif yang bebas daripada unsur yang haram, maka penggunaannya dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Dengan itu, pelaksanaan dan bekalan sumber mencukupi untuk para pesakit untuk mendapatkan ubatan tersebut. Kemudahcapaian ini sangatlah penting dalam menjaga kesihatan para pesakit.
5. Jika ubatan alternatif tersebut tidak berfungsi pada tubuh pesakit, maka para doktor perlu memaklumkan kepada pesakit bahawa ubatan yang diberikan kepada pesakit adalah berunsurkan sumber yang tidak halal. Dalam pada itu, konsep darurat dan rukshah difahamkan kepada pesakit. Hal ini demikian untuk menggelakkan pesakit tidak mengambil ubatan tersebut sehingga memberi risiko yang lebih teruk kepada pesakit.

KESIMPULAN

Isu fiqh perubatan merupakan satu isu baru dalam masyarakat Islam. Maka kesatuan kepakaran amat diperlukan dalam membentuk hukum yang berkaitan supaya pelaksanaan dalam kalangan masyarakat lebih sesuai diterima dan dipakai. Justeru, kesefahaman antara semua amatlah perlu dalam mengelak polemik yang akan timbul. Amanah yang diberikan ini merupakan

tanggungjawab yang besar untuk dilaksanakan ke dalam masyarakat sehingga memperlihatkan setiap hukum-hukum Islam menonjolkan konsep *rahmatan lil ‘alamin*.

RUJUKAN

1. Al- Quran.

2. Al-Hadis.
3. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2016). *Hukum Penggunaan Ubat Clexane Dan Flaxiparine 2009: Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. JAKIM: Putrajaya.
4. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2016). *Gelatin Dalam Ubat 1984: Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. JAKIM: Putrajaya.
5. Jabatan Mufti Negri Sembilan. *Ubat Pencair Darah*. Diakses pada 1 Ogos 2019. <http://www.muftins.gov.my/v1/en/2019/06/24/ubat-pencair-darah/>
6. Muhammad Rafiqi Hehsan. (2015). *Q & A Fiqh Perubatan*. PTS.
7. Mohammad Naqib Hamdan & Mohd Anuar Ramli. (2018). *Perbandingan Resolusi Perubatan antara Majma' al-Fiqh al-Islami al-Duwali dengan al-Majma' al-Fiqh al-Islami: Analisis pada Metode Pentarjihan Resolusi berkaitan Perancangan Keluarga dan Transplant Organ*. Institut Islam Hadhari: UKM.
8. Nurhidayah Muhamad Sharifuddin, Mohd Anuar Ramli, Tg. Fatimah Azzahra Tg. Md Fauzi & Nur Diyana Azizi. (2016). *Penggunaan Rawatan Moden Berasaskan Darah Mengikut Prinsip Maqasid Syariah*. Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam: Universiti Malaya.
9. Omar Hasan Kasule (2016). *Incorporating Moral Values and Maqasid Al-Shariah into Medical and Healthcare Practices. In Outline: Ibadah Friendly Hospitals*. Hospital Pakar Al-Islam: Kuala Lumpur.
10. Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP). *Clexane*. Diakses pada 1 Ogos 2019.
11. Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP). *Arixtra*. Diakses pada 1 Ogos 2019.
12. Suhazeli Abdullah. (2016). *Penggunaan Enoxaparin (Clexane) Vs Fondaparinux (Arixtra): Halal vs Haram*. Diakses pada 1 Ogos 2019. <http://suhazeli.com/wp/?p=1994>
13. Wahbah Zuhaili. (2006). *Mausu'ah Al-Quraniah Al-Musyassarah*. Darul Fikr: Damsyik.